



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
BILANGAN 2 TAHUN 2010

TATACARA PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN
BERDASARKAN PERATURAN 27(3) PERATURAN-PERATURAN
PEGAWAI AWAM (PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN
PENAMATAN PERKHIDMATAN) 2005

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan tatacara pelaksanaan Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP) seseorang pegawai mengikut peraturan 27(3), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U.(A) 176/2005].

TAFSIRAN

2. Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini:
 - (a) "Ketua Jabatan" ertinya seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan atau Ketua Perkhidmatan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

- (b) "pegawai" ertinya semua kategori pegawai yang sedang berkhidmat yang dilantik oleh Suruhanjaya secara tetap; dan
- (c) "Suruhanjaya" ertinya Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (SPP).

LATAR BELAKANG

3. Syarat pengesahan dalam perkhidmatan seseorang pegawai diperuntukkan dalam peraturan 27 P.U.(A) 176/2005. Peraturan itu memperuntukkan bahawa Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan kepada Suruhanjaya perakuan dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, P.U.(A) 176/2005 bagi PDP seseorang pegawai di bawah kawalannya dalam tempoh **satu bulan** dari tarikh pegawai itu didapati layak bagi pengesahan. Jika Ketua Jabatan gagal mengemukakan perakuan itu, pegawai yang berkenaan itu boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk disahkan dan suatu salinan permohonan hendaklah dihantar kepada Ketua Jabatan. Setelah menerima permohonan tersebut, Suruhanjaya boleh menjalankan suatu siasatan dan apabila selesai siasatan itu, mengesahkan pegawai jika Suruhanjaya mendapati pegawai itu layak bagi PDP.

SYARAT PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

4. Pegawai yang diperakukan untuk pengesahan dalam perkhidmatan hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - (a) telah menjalani tempoh percubaan antara satu hingga tiga tahun;
 - (b) hadir dan lulus dengan jayanya kursus induksi;

- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan; dan
- (e) lulus tapisan keselamatan.

TANGGUNG JAWAB KETUA JABATAN

5. Ketua Jabatan adalah diingatkan bahawa kelewatan mengemukakan perakuan PDP berdasarkan peraturan 27(2), P.U.(A) 176/2005 akan menyebabkan kelewatan pegawai mendapatkan faedah perkhidmatan yang boleh mereka nikmati seperti anjakan gaji, menghadiri Peperiksaan atau Kursus Penilaian Tahap Kecekapan dan pinjaman perumahan.
6. Tambahan lagi, kegagalan Ketua Jabatan untuk mengemukakan perakuan seperti yang diperuntukkan dalam peraturan 27(2) P.U.(A) 176/2005 dan Surat Pekeliling-Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya adalah merupakan suatu pelanggaran tata tertib di bawah peraturan 4(2)(g), (i) dan (j), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] seperti berikut:
 - “4(2) Seseorang pegawai tidak boleh –
 - (g) tidak bertanggungjawab;
 - (i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah; dan
 - (j) cuai dalam melaksanakan tugas-tugasnya.”

TANGGUNG JAWAB PEGAWAI

7. Seseorang pegawai dalam percubaan hendaklah memenuhi semua syarat PDP bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatannya.

8. Apabila pegawai mendapati beliau layak untuk diperakukan PDP tetapi Ketua Jabatan gagal berbuat demikian, maka pegawai itu boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk disahkan dalam perkhidmatan mengikut peraturan 27(3) P.U. (A) 176/2005 dengan mengemukakan dokumen berikut dan satu salinan permohonan itu hendaklah dihantar kepada Ketua Jabatan:

- (a) borang PDP atas permohonan pegawai seperti **LAMPIRAN A**;
- (b) senarai tugas dan sumbangan pegawai di sekolah;
- (c) salinan Buku Rekod Perkhidmatan yang kemaskini;
- (d) salinan sijil Kursus Induksi;
- (e) salinan keputusan Peperiksaan Perkhidmatan; dan
- (f) salinan keputusan tapisan keselamatan.

TINDAKAN SURUHANJAYA

9. Setelah menerima permohonan PDP mengikut perenggan 8, Suruhanjaya boleh menjalankan siasatan berasaskan maklumat yang dinyatakan dalam dokumen yang dikemukakan oleh pegawai dan apabila selesai siasatan itu mengesahkan pegawai jika Suruhanjaya mendapati pegawai itu layak bagi pengesahan.

TARIKH KUAT KUASA


10. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2010**.

PEMBATALAN

11. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, maka Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bilangan 4 Tahun 2009 adalah dibatalkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' WAN KHAZANAH BINTI ISMAIL)

Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Malaysia

Tarikh: 1 Jun 2010

Edaran Kepada:

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Salinan Kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Perkhidmatan
Aras 6-7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA

LAMPIRAN A

BORANG PERAKUAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN
ATAS PERMOHONAN PEGAWAI
PERATURAN 27(3), P.U.(A) 176/2005

Saya.....No.K.P.....
yang dilantik sebagai pada
dengan ini mengesahkan bahawa saya telah menjalankan tugas dengan jujur, tekun dan berkebolehan serta telah menunjukkan sifat peribadi dan kelakuan yang baik sepanjang tempoh perkhidmatan.

Berdasarkan Peraturan 27(3) P.U. (A) 176/2005 dan berikutan Ketua Jabatan saya telah gagal mengemukakan perakuan bagi pengesahan dalam tempoh satu bulan dari tarikh saya didapati layak bagi pengesahan, maka dengan ini saya memohon untuk disahkan dalam perkhidmatan.

Tandatangan :

Tarikh :

Alamat Tempat Bertugas :

.....

.....